

PRUElite Invest

Insurans Berkaitan Pelaburan

Luaskan
potensimu



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Bayangkan masa depan di mana kekayaan anda terus berkembang untuk jangka masa panjang. Sama ada anda berusaha untuk menjana kewangan yang kukuh atau untuk memaksimumkan pulangan anda, pelbagaikan dan tingkatkan kekayaan anda dengan **PRUElite Invest**. Pelan insurans berkaitan pelaburan ini telah kami ubahsuai demi memberi anda peruntukan tinggi dari hari pertama dan akses kepada pilihan dana-dana yang terpilih untuk mengoptimumkan potensi dan mencapai aspirasi kewangan anda dengan sebaik-baiknya.



Kisah Tentang Jack

Jack, seorang profesional yang berpengalaman, membeli **PRUElite Invest** untuk mengembangkan kekayaan, mempelbagaikan portfolio pelaburan, dan akhirnya meningkatkan nilai bersihnya.

Lelaki, umur 40 tahun, bukan perokok

- Premium Tahunan RM100K
- 100% Dana Ekuiti

- RM100K** Jack membayar Premium Tahunan (selama 5 tahun)
- RM3K** Prudential membayar Booster Pelaburan (3% untuk setiap pembayaran premium) selama 5 tahun
- RM** Unjuran Nilai Akaun
- 8%** Ganjaran Kesetiaan

Bagaimana **PRUElite Invest** dapat membantu untuk merealisasikan aspirasi anda?



Maksimumkan pelaburan anda dengan peruntukan premium 103% dari hari pertama

Sebagai bonus untuk memulakan pelayaran pelaburan anda, kami akan memberi peruntukan premium tambahan sebanyak **3%** daripada Booster Pelaburan untuk setiap premium yang dibayar, dengan demikian peruntukan premium anda akan menjadi **103%**.



Nikmati Kuasa Pilihan dengan akses kepada pelbagai jenis dana



- Selaraskan pelaburan anda mengikut keperluan pelaburan dan selera risiko anda, dengan rangkaian luas Dana **PRULink** kami yang diuruskan secara profesional oleh pengurus dana dalaman, Eastspring Investments Berhad, JPMorgan Asset Management Limited dan Schroders PLC yang merupakan pengurus aset-aset global terkemuka.

Kepelbagaian merentasi pelbagai jenis dana:

- Ekuiti
- Terurus

Akses ke pelbagai rantau yang luas

- Keupayaan dinamik untuk merebut peluang pasaran pelaburan melalui penukaran dana secara **percuma dan tanpa had**.



Nikmati Ganjaran Kesetiaan sebanyak 8% daripada premium tahunan

Anda dapat menikmati ganjaran sebanyak 8% daripada premium tahunan anda pada setiap 5 tahun sebagai Ganjaran Kesetiaan, bermula dari akhir tahun polisi ke-8 sehingga tamat tempoh polisi sekiranya:

- Premium telah dibayar sehingga terkini dan tiada pengeluaran separa dilakukan; **atau**
- Nilai akaun adalah sama ataupun melebihi 5 kali ganda premium tahunan.



Ketenangan Minda dengan Perlindungan Sepanjang Hayat


- Perlindungan asas untuk kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ sehingga umur 100 tahun. Jika kematian atau TPD berlaku, bayaran sekali gus yang lebih tinggi daripada yang berikut akan dibayar untuk menyokong anda atau orang tersayang.

- 125%/105%² daripada jumlah premium yang dibayar, tolak sebarang pengeluaran; atau
- Nilai akaun; atau
- RM5,000.

- Pendaftaran mudah melalui Tawaran Pengeluaran Mudah.

¹Sebelum Ulang Tahun Polisi berumur 70 tahun.

²105% sekiranya Hayat yang Diinsuranskan adalah hayat sub-standard.



Nota: Graf yang dipaparkan tidak mengikut skala dan digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Nilai Akaun di atas diunjurkan dengan andaian premium telah dibayar sehingga terkini dan tiada pengeluaran separa dilakukan, berdasarkan senario yang tertinggi dengan andaian pulangan pelaburan kasar sebanyak 5.00% setahun, manakala di bawah senario rendah dengan andaian pulangan pelaburan kasar sebanyak 2.00% setahun, Nilai Akaun pada Tahun 20: RM497,450, Tahun 30: RM504,005, Tahun 40: RM470,297.

*Jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, caj serahan mungkin dikenakan dan nilai serahan yang anda dapat mungkin lebih rendah daripada Nilai Akaun yang diunjurkan di atas.

Nikmati Manfaat Eksklusif dengan **PRUPrestige**

Hanya selangkah lagi untuk anda menjadi ahli **PRUPrestige** kami. Sertai program keahlian eksklusif melalui jemputan sahaja yang direka khas untuk pelanggan prestij kami supaya anda boleh menikmati faedah dan keistimewaan yang ditawarkan.

Manfaat-manfaat prestij tertinggi kami hanyalah disediakan untuk pelanggan Prudential yang terpilih sahaja. Anda boleh menjadi SALAH SATU pelanggan istimewa hari ini.



Servis pengunderaitan eksklusif & cepak untuk anda apabila anda melanggan **PRUElite Invest**



Ganjaran, dan manfaat menanti anda



Manfaat hospital yang dinaikkan taraf untuk keselesaan anda



Barisan prioriti di cawangan terpilih Prudential



Talian khas untuk ahli **PRUPrestige** sahaja

Nota Penting dan Penafian:

1. **PRUElite Invest** adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
3. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUElite Invest**, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
4. Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (seperti caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak, tolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar dan Booster Pelaburan yang diperuntukkan (jika ada).
5. Sekiranya terdapat premium(-premium) tertunggak untuk polisi anda, kami menyarankan agar anda membayar semua premium(-premium) yang tertunggak untuk meningkatkan kemampuan polisi anda. Jika tidak, polisi mungkin luput melainkan ia terdapat unit-unit yang mencukupi dalam akaun-akaun polisi untuk membayar caj insurans dan caj-caj lain. Caj-caj akan ditolak dari akaun-akaun polisi melalui pembatalan unit-unit.
6. **PRUElite Invest** bukan produk patuh Syariah.
7. Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, caj serahan akan dikenakan dan anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
8. Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
9. Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.